

JERANTUT, 30 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN CAMPURAN YANG DICADANGKAN OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG TIDAK AKAN DAPAT MEMERINTAH DENGAN BERKESAN KERANA MEREKA TIDAK MUNGKIN MEMPUNYAI SEBUAH PARTI TERAS YANG KUAT, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU BERKATA, INI DISEBABKAN PAS DAN DAP TIDAK SECUCUK ANTARA SATU SAMA LAIN DAN MEREKA AKAN SALING UGUT MENGUGUT SEMANGAT 46 UNTUK MENINGGALKAN GABUNGAN ITU APABILA TIMBUL RASA TIDAK PUAS HATI.

KERAJAAN ITU JUGA TIDAK DAPAT MENUMPUKAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA KERANA MEREKA ASYIK SIBUK DENGAN POLITIK DALAMAN UNTUK MEMASTIKAN KERAJAAN MEREKA TERUS KUKUH, KATA BELIAU PADA PERJUMPAAN DENGAN PEMIMPIN MASYARAKAT PAHANG DI DEWAN MAJLIS DAERAH JERANTUT DI SINI HARI INI.

KATANYA, PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALIEGH HAMZAH MEMBUAT PERHITUNGAN BAHAWA PARTI ITU AKAN MENANG 40 KERUSI PADA PILIHAN RAYA AKAN DATANG, MANAKALA DAP DAN PAS MASING-MASING MENANG 30 DAN 25 KERUSI MENJADIKAN JUMLAHNYA 95 KERUSI.

PERDANA MENTERI BERKATA, BAGAIMANAPUN, KERAJAAN CAMPURAN ITU TIDAK MEMPUNYAI TUNJANG YANG KUAT SEPERTI UMNO DALAM BARISAN NASIONAL (BN) SEKARANG. -- LAGI.
1646MST 30 06 90

D460

U B372 AAB
MAHATHIR - PEMBANGKANG 2 JERANTUT

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, UMNO MENJADI TERAS BN KERANA IA MEMENANGI 83 DARIPADA 84 KERUSI PARLIMEN YANG DITANDINGINYA PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986.

+BEGITU KUATNYA UMNO SEHINGGA APABILA TENGGU RAZALEIGH TARIK KELUAR 12 ORANG BERSAMA-SAMANYA KITA TIDAK JATUH DAN MASIH KUAT MANAKALA BN MEMPUNYAI DUA-PERTIGA KERUSI DALAM DEWAN RAKYAT,+ KATANYA.

+TIADA APA DAPAT MENGONCANG KERAJAAN BN YANG MEMBAWA KEAMANAN DAN KESTABILAN KERANA KITA TIDAK MUNGKIN JATUH ATAU TIDAK MUDAH DIJATUHKAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

SEBALIKNYA, SEKIRANYA PAS DAN DAP TIDAK PUAS HATI DAN MENINGGALKAN GABUNGAN MEREKA, KERAJAAN CAMPURAN DIBAWAH PIMPINAN TENGGU RAZALEIGH AKAN LEMAH, JELAS BELIAU.

+KERAJAAN YANG SELALU DIUGUT OLEH PARTI-PARTI KOMPONENNYA TIDAK BOLEH MEMERINTAH KERANA MEREKA AKAN SENTIASA HIDUP DALAM KETAKUTAN,+ TAMBAHNYA.

-- LAGI.
1647MST 30 06 90

D463

U B373 AAB
MAHATHIR - PEMBANGKANG 3 JERANTUT

MENURUT BELIAU APABILA KEADAAN INI BERLAKU KERAJAAN ITU TIDAK DAPAT MENUMPUKAN KEPADA KEPENTINGAN RAKYAT, AGAMA DAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEKIRANYA ADA PARTI KOMPONEN BN YANG MENARIK DIRI, KERAJAANNYA TIDAK AKAN JATUH KERANA IA MASIH MEMPUNYAI BANYAK PARTI LAIN DIDALAMNYA TERMASUK DI SABAH DAN SARAWAK.

KATANYA, OLEH ITU, BN AKAN TERUS KUKUH UNTUK MEMERINTAH KECUALILAH SEKIRANYA UMNO SENDIRI YANG KELUAR DARI GABUNGAN ITU.

UMNO DENGAN PARTI-PARTI KOMPONEN BN YANG LAIN SALING BEKERJASAMA DALAM MENDAPATKAN UNDI DI KAWASAN TERTENTU, DAN SETERUSNYA MENDIRIKAN KERAJAAN YANG BERKESAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN KINI MENUMPUKAN USAHA UNTUK MEMAJUKAN SEKTOR INDUSTRI KERANA SEKTOR PERTANIAN DAN PERLOMBONGAN TIDAK DAPAT MENYEDIAKAN PELUANG PEKERJAAN YANG BANYAK BERBANDING DENGAN SEKTOR INDUSTRI. -- LAGI.